

# Aset 1MDB RM20.53 billion dipulang kepada kerajaan

**SPRM giat terus pemulihan dana dalam, luar negara**

Oleh Zanariah Abd Mutualib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama agensi penguat kuasa antarabangsa se-takat ini berjaya memulangkan aset 1Malaysia Development Berhad (1MDB) berjumlah lebih RM20.53 billion kepada kerajaan Malaysia.

SPRM memaklumkan, badan itu kini giat meneruskan pemulihan aset dana 1MDB dalam dan luar negara termasuk di Amerika Syarikat (AS), Emiriah Arab Bersatu (UAE), Taiwan dan Singapura.

Terbaru menurut suruhanjaya itu, pada 12 November lalu, Jabatan Hal Ehwal Komersial (CAD) Singapura membuat pemulangan wang milik bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SRC International Sdn Bhd (SRC), Nik Faisal Ariff Kamil kepada kerajaan Malaysia menerusi Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset milik Kementerian Kewangan berjumlah AS\$864,813.27 (hampir RM3.62 juta).

“Sebelum ini, kerajaan Singapura turut membantu dalam pemulangan aset sebanyak AS\$15.4 juta (RM64.42) kepada Malaysia, membabitkan akaun Cutting Edge Industries Ltd, milik Datuk Tawfiq Ayman dan Samuel Goh.

“Pada ketika ini juga, SPM sedang dalam usaha untuk pemulihan aset bagi negara seperti Switzerland, Kuwait, Mauritius, Cyprus dan Hong Kong, membabitkan individu yang mempunyai kaitan dengan kes 1MDB,” katanya dalam kenyataan semalam.

Kementerian Kewangan sebelum ini memaklumkan, usaha pemulihan aset 1MDB dan SRC oleh kerajaan ketika ini, memfokuskan kepada pihak yang menyebabkan kerugian kepada 1MDB dan SRC ketika menjalankan tanggungjawab mereka, sama ada melalui pembabitan secara langsung atau tidak langsung dalam pelbagai operasi dan transaksi syarikat berkenaan.

Menurut kenyataan itu, semua

yang terbabit akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya atas salah laku melalui pembabitan dalam 1MDB dan/atau SRC.

Pada Julai lalu, kerajaan menerima bayaran pertama daripada AMMB Holdings Berhad sebanyak RM1.8 billion yang depositikan ke dalam Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset (Assets Recovery Trust Account).

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, dilaporkan berkata, wang berkecambuan adalah sebahagian daripada penyelesaian berkaitan 1MDB.

Katanya, baki bayaran penyelesaian berjumlah RM1.03 billion akan dilunaskan oleh AMMB Holdings Berhad pada Disember 2021 dan Julai 2022, masing-masing sebanyak RM515 juta.

Ini disusuli pada September lalu, apabila Kementerian Kewangan mengumumkan KPMG ber-setuju dengan penyelesaian bernilai RM333 juta (AS\$80 juta) bagi

memenuhi semua tuntutan berkaitan dengan tanggungjawab fidusiai mereka dalam pengaudit akaun 1MDB untuk tempoh 2010 hingga 2012.

Penyelesaian dengan KPMG bernilai lebih daripada 800 kali ganda fi audit yang diperoleh KPMG adalah antara penyelesaian berkaitan 1MDB terbesar oleh sebuah firma audit di Asia Tenggara.

Tengku Zafrul dilaporkan berkata, ia membuktikan tekad kerajaan Malaysia meneruskan segala usaha pemulihan terhadap semua pihak yang terbabit dalam 1MDB dan entiti berkaitan denganannya.

Penyelesaian terbabit mengakhiri tuntutan sivil yang difailkan pada 6 Julai lalu terhadap KPMG, mempercepatkan penyelesaian yang akan digunakan untuk menuhi obligasi 1MDB tertunggak dan menjimatkan sumber awam daripada segi kewangan dan tempoh masa pengadilan.

